

24 APR 2001

Mahathir-perdagangan

SEKTOR SWASTA M'SIA DAN THAILAND DIMINTA PERKUKUH KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor swasta Malaysia dan Thailand perlu mengukuhkan kerjasama dan meneroka peluang perniagaan di kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata kerjasama yang lebih bermakna dan menguntungkan kedua-dua pihak dapat dicapai jika mereka memberi tumpuan kepada peluang-peluang yang ada.

"Saya harap kerjasama sektor swasta akan berkembang menjadi satu fenomena Asean untuk meningkatkan perdagangan sesama Asean dan membawa manfaat yang maksimum daripada AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean)," katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra di Seri Perdana di Putrajaya malam ini. Pemimpin Thai itu tiba hari ini untuk lawatan dua hari.

Dr Mahathir juga berharap menteri dan pegawai dari kedua-dua negara akan mengadakan lebih banyak lawatan dan menjalin hubungan secara langsung.

"Sebagai negara berjiran yang berkongsi sempadan, persefahaman antara Malaysia dan Thailand amat penting," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa Malaysia tetap dengan komitmennya untuk menjadikan pasaran negara ini lebih bebas dan terbuka seperti yang dikehendaki mengikut AFTA.

"Ya, memang benar kami telah meminta untuk menanggung kemasukan bahagian automotif CBU dan CKD dalam skim AFTA tetapi penangguhan itu sekadar untuk membolehkan industri kereta nasional kami mengambil beberapa tindakan untuk terus menjadi kompetitif dalam Asean selepas wujud AFTA," katanya.

Perdana Menteri berkata banyak negara di luar Asean berharap untuk memasuki pasarannya "menerusi pintu belakang".

"Kita tidak boleh benarkan ini berlaku kerana ia akan menyebabkan kita tidak akan mendapat banyak manfaat daripada AFTA. AFTA sebenarnya menyediakan peluang kepada kita untuk meluaskan keupayaan perindustrian serta komersil kita, dan kita tidak boleh biarkan peluang ini terlepas dan merugikan kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sebagai negara berjiran, Malaysia dan Thailand perlu kerap bertukar-tukar maklumat dan pendapat mengenai cara menangani krisis ekonomi dan kewangan untuk saling belajar dan memastikan pemulihan dapat dicapai dengan lebih baik.

Walaupun berlaku krisis kewangan, perdagangan antara Malaysia dan Thailand meningkatkan 28.3 peratus kepada US\$6.3 bilion pada tahun lepas berbanding 1999.

Thailand merupakan rakan dagangan Malaysia yang keenam terbesar. Sebanyak 50 syarikat yang mempunyai kepentingan Malaysia kini beroperasi di Thailand.

"Pelaburan Thailand di Malaysia juga menunjukkan perkembangan menggalakkan," katanya.

Dr Mahathir berharap kerajaan Thailand akan mempercepatkan pelaksanaan projek saluran gas Trans-Thai Malaysia yang akan membantu membangunkan kawasan selatan Thailand.

Sementara itu, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dalam ucapannya berkata Thailand komited sepenuhnya untuk memperkukuhkan kerjasama yang mendatangkan manfaat bersama dalam hubungan dua hala dan pelbagai hala antara Malaysia dan Thailand.

Katanya kedua-dua Malaysia dan Thailand mesti mengesahkan komitmen dalam menggariskan tanggungjawab bersama dan pandangan yang seimbang

terhadap realiti dan keperluan dunia baru dan dalam masa yang sama mematuhi komitmen asal Asean seperti AFTA.

Thaksin berkata usaha bersama antara kedua-dua kerajaan dalam membangun dan melaksanakan tanggungjawab boleh mengatasi masalah dadah pada peringkat punca.

"Melalui usaha dua hala, serantau dan tindakan antarabangsa, kita tidak boleh gagal dalam mencapai matlamat utama kita iaitu "Asean Bebas Dadah" menjelang tahun 2015.

Thailand katanya seperti Malaysia akan menghidup dan mengiatkan semula kekuatan dinamisme, kewangan dan ekonomi untuk mempertahankan ketidaktentuan dalam politik dan ekonomi.

Thaksin juga kagum dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia kerana kejayaan cemerlang dalam memulihkan kemajuan, mempromosikan kestabilan dan menyuntik semangat dan memastikan kemakmuran dalam ekonomi Malaysia.

"Pendekatan berwawasan dalam projek Koridor Raya Multimedia dan Cyberjaya dipandang tinggi," katanya.

-- BERNAMA

ZAI AT LAT